

## Keberkesanan Program-Program Pemulihan Tingkah laku Di Taman Seri Putri Batu Gajah Dan Kompleks Dar-Assa'adah

**PROF. MADYA DR. AZIZI YAHAYA**  
**JESMIN BT ABD WAHAB**  
**Fakulti Pendidikan**  
**Universiti Teknologi Malaysia**  
**Skudai Johor**

**ABSTRAK:** Kajian ini bertujuan melihat keberkesanan pelaksanaan program yang dijalankan di Taman Seri Putri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar-Assa'dah, Kuala Lumpur. Di institusi ini, delikuen wanita akan menjalani program pemulihan yang bertujuan untuk memberi bimbingan dan pendedahan kepada mereka sebagai persediaan untuk diterima semula oleh masyarakat. Instrument kajian ialah soal selidik yang digunakan ini diubahsuai daripada kajian Azizi(1990) dan Azizi ( 2004). Darjah kebolehppercayaan soal selidik diuji dengan menggunakan Cronbach Alpha di mana nilai keseluruhannya ialah 0.961. Seramai 79 orang pelatih terdiri penghuni yang telah menjalani sekurang-kurangnya 6 bulan program pemulihan tingkah laku di kedua-dua institusi dipilih sebagai responden. Pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian ialah Kemudahan dan Kelengkapan yang sedia ada, Program Vokasional, Program Kokurikulum, Program Keagamaan dan Program Bimbingan serta Kaunseling. Dapatan kajian menunjukkan Kemudahan dan Kelengkapan yang tersedia berada di tahap sederhana. Begitu juga Program Vokasional, Program Kokurikulum dan Program Bimbingan dan Kaunseling kurang berkesan. Program Keagamaan adalah berkesan. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara Kemudahan dan Kelengkapan yang sedia ada, Program Vokasional dan Program Kokurikulum di Taman Seri Putri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar-Assa'dah, Kuala Lumpur. Terdapat perbezaan yang signifikan di antara Program Keagamaan dan Program Bimbingan dan Kaunseling di Taman Seri Putri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar-Assa'dah, Kuala Lumpur. (**katakunci:** pusat pemulihan, delikuen wanita, kemudahan dan kelengkapan, program vokasional, program kokurikulum, program keagamaan, program bimbingan dan kaunseling)

**Abstract:** The purpose of this study is to evaluate the effectiveness of the programmes conducted by two rehabilitation centres for female delinquents. In these centres, the delinquents undergo programmes which aimed to give guidance and help the delinquents change their unwanted behaviour. The data were collected using questionnaires which was adapted from the research done by Azizi (1999) and Azizi (2004). Alpha Cronbach is used to test the reliability of this research. It showed that the overall Alpha value for the programmes is 0.93. A total of 79 respondents were chosen at simplified random to be the respondents of the research. The variables used in the research are the facilities, Vocational Programme, Co-curriculum Programme, Religious Programme and Counseling Programme. The overall findings of the research indicates that facilities and Counseling programme to be less effective compared to Vocational Programme, Co-curriculum Programme, Religious Programme. The results of the research showed that there is no significant difference in the way the facilities, Vocational Programme and Co-curriculum Programme was carried out in these two institution, namely Taman Seri Putri Batu Gajah, Perak and Kompleks Dar-Assa'dah, Kuala Lumpur. There are significant differences between the Religious Programme and Counseling Programme in these two institutions.

(**keywords:** rehabilitation centres, female delinquents, facilities, Vocational Programme, Co-curriculum Programme, Religious Programme, Counseling Programme)

## 1.0 Pengenalan

Jadual 1.1 menunjukkan 32.2 peratus daripada keseluruhan penduduk Malaysia adalah mereka yang berusia kurang daripada 15 tahun. Penduduk yang berusia 15 hingga 24 tahun sebanyak 18.6 peratus. Manakala penduduk yang berumur 25 hingga 39 tahun sebanyak 22.3 peratus. Ini memberi gambaran bahawa bilangan golongan remaja menghampiri satu pertiga daripada populasi penduduk Malaysia. Jumlah ini cukup tinggi untuk menentukan hala tuju negara di masa hadapan. Keputusan yang dibuat oleh remaja ini boleh menghancurkan atau menjulang nama Malaysia di persada dunia.

**Jadual 1: Anggaran Penduduk Mengikut Kumpulan Umur di Malaysia**

Umur	2005 (‘000)	%	2006 (‘000)	%	2007 (‘000)	%
Kurang daripada 15	8578.8	32.5	8690.5	32.3	8719.6	32.2
15 hingga 24	4930.6	18.7	5004.7	18.6	5021.4	18.6
25 hingga 39	5915.2	22.4	6008.6	22.3	6033.4	22.3
Lebih daripada 39	6960.3	26.4	7204.1	26.8	7266.4	26.9
Jumlah Keseluruhan Penduduk	26,384.9	100.0	26,907.9	100.0	27,040.8	100.0

Sumber : Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia

Golongan remaja merupakan komoditi negara yang perlu dibimbing dan dibantu agar dapat melakukan keputusan yang sihat dalam hidupnya. Gejala sosial di kalangan remaja dan belia yang semakin bertambah hari demi hari perlu ditangani segera. Kebimbangan ini diluahkan oleh Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Syed Ali Tawfik Al-Attas berikutan bertambahnya jumlah penagih dadah, kes juvenil dan penghidap HIV di seluruh negara. ( Utusan Malaysia, 2006)

Ini dapat dilihat melalui statistik kes yang menunjukkan peningkatan pembabitatan remaja dalam kesalahan Juvana sehingga tahun 2005. Berdasarkan Jadual 2, remaja-remaja negeri Johor mendahului remaja-remaja dari negeri lain dalam kes kesalahan Juvana yang dilaporkan sehingga tahun 2005. Ini diikuti negeri Kedah dan Kuala Lumpur. Labuan dan Perlis adalah negeri yang paling kurang bilangan kes kesalahan Juvana.

**Jadual 2: Kesalahan Juvana Mengikut Negeri**

NEGERI	2002	2003	2004	2005
Johor	381	558	751	1,019
Kedah	342	443	334	930
Kelantan	347	432	325	280
Melaka	70	77	117	153
Negeri Sembilan	263	153	246	225
Pahang	342	290	182	232
Perak	519	326	713	644
Perlis	124	106	100	134
Pulau Pinang	351	317	317	291
Selangor	903	835	816	807

Terengganu	406	525	525	736
WP Kuala Lumpur	777	581	874	904
WP Labuan	0	10	0	0
Sabah	191	155	394	500
Sarawak	303	190	362	346
<b>Jumlah</b>	<b>5,319</b>	<b>4,998</b>	<b>6,056</b>	<b>7,201</b>

Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat, Malaysia

Semua pihak pasti bersetuju yang kita perlu memandang fenomena ini dengan serius dan seterusnya berusaha mencari penawarnya untuk menyelamatkan generasi muda yang akan mewarisi tampuk kepimpinan negara. Keterlanjuran mereka yang mengakibatkan mereka gelumang dalam kemelut sosial tidaklah boleh diletakkan kesalahan sepenuhnya di bahu remaja yang sering di “kambing hitam”kan ini. Tenaga yang diperlukan untuk memajukan negara ini tidak boleh dibiarkan terus hanyut dan merugikan negara. Jadual 1.4 menunjukkan perbelanjaan yang diperuntukan untuk program-program untuk menyelamatkan remaja daripada bergelumang dalam kemelut sosial yang tiada penghujungnya. Pada Rancangan Malaysia ke-8 sebanyak 96.7 million ringgit dibelanjakan untuk tujuan pencegahan dan pemulihan remaja. Pada Rancangan Malaysia ke-9, peruntukan itu meningkat sebanyak 102.7 million ringgit iaitu 199.4 million ringgit.

**Jadual 1.4 : Perbelanjaan Untuk Program Pembangunan Remaja (2000 – 2010)**

Program	Rancangan Malaysia ke-8 (RM million)	Rancangan Malaysia ke-9 (RM million)
Latihan Kepimpinan	63.5	115.5
Latihan Kemahiran	3,930.6	4,103.6
Latihan Perdagangan	158.6	179.5
Latihan Pengurusan	361.7	509.5
Pembangunan Keusahawanan	40.1	20.0
Rakan Muda	304.5	334.0
<b>Pencegahan dan Pemulihan</b>	<b>96.7</b>	<b>199.4</b>
Jumlah	4,955.7	5,461.5

Sumber : Unit Perancang Ekonomi

Usaha untuk memberi peluang untuk memperbaiki kehidupan dan pulang ke pangkuan masyarakat melalui program pemulihan tingkah laku yang dirancang amatlah diperlukan. Program-program tersebut seharusnya dapat menghindarkan remaja bermasalah ini daripada terjebak buat kali kedua dan menambahkan lagi angka kes Juvana.

## 2.0 Pernyataan Masalah

Kajian ini dijalankan untuk melihat keupayaan program-program pemulihan akhlak dalam mengubah tingkah laku pelatih-pelatih yang terdapat Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar-Assa'dah, Kuala Lumpur. Pelbagai program seperti vokasional, ko-kurikulum, keagamaan dan bimbingan dan kaunseling telah dianjurkan untuk remaja bermasalah. Persoalannya, sama ada program-program pemulihan yang dijalankan dapat mengubah tingkah laku pelatih-pelatih.

Segala telah berlaku dan masa tidak dapat diputarkan ke belakang. Hanya selepas nasi menjadi bubur, delikuen wanita ini kembali berpijak di bumi yang nyata. Wajarkah mereka ini dihukum dan dinafikan hak mereka untuk mengubah diri dan memulakan hidup baru. Bukan menghalalkan kesilapan yang mereka lakukan tetapi memberi peluang kedua untuk mereka menjadi ahli masyarakat yang berguna.

Proses menyedarkan mereka daripada kesilapan lampau perlu dilakukan dengan berkesan bagi mengelakkan mereka mengulangi perkara yang sama. Keperluan untuk mengkaji keberkesanan program bimbingan sedia ada dari masa ke masa merupakan satu kemestian. Langkah ini dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan program-program agar dapat merancang program bimbingan yang seimbang. Program-program ini perlu diinovasi agar lebih berkesan dan sejajar dengan keperluan remaja bermasalah tersebut dan kemajuan teknologi semasa.

Oleh itu, penyelidik berpendapat kajian ini diperlukan bagi mengkaji keberkesanan program-program yang dilaksanakan di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar-Assa'dah, Kuala Lumpur.

### **3.0 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini secara umumnya adalah untuk mengetahui keberkesanan program latihan dan pemulihan di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar-Assa'dah, Kuala Lumpur. Objektif khusus bagi kajian ini adalah:

1. Mengetahui kemudahan dan kelengkapan yang sedia ada mencukupi di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar-Assa'dah, Kuala Lumpur.
2. Mengetahui tahap keberkesanan program latihan vokasional dalam proses pemulihan pelatih di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar-Assa'dah, Kuala Lumpur.
3. Mengetahui tahap keberkesanan program ko-kurikulum dalam proses pemulihan pelatih di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar-Assa'dah, Kuala Lumpur.
4. Mengetahui tahap keberkesanan program keagamaan dalam proses pemulihan pelatih di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar-Assa'dah, Kuala Lumpur.
5. Mengetahui tahap keberkesanan program bimbingan dan kaunseling dalam proses pemulihan pelatih di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar-Assa'dah, Kuala Lumpur.

### **4.0 Persoalan Kajian**

Beberapa persoalan kajian yang telah dikenal pasti dalam kajian adalah seperti berikut :

1. Apakah kemudahan dan kelengkapan yang ada di pusat ini mencukupi bagi melaksanakan program pemulihan untuk para pelatih di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar-Assa'dah, Kuala Lumpur?
2. Apakah tahap keberkesanan program latihan vokasional dalam proses pemulihan pelatih di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar-Assa'dah, Kuala Lumpur?

3. Apakah tahap keberkesanan program ko-kurikulum dalam proses pemulihan pelatih di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar-Assa'dah, Kuala Lumpur?
4. Apakah tahap keberkesanan program keagamaan dalam proses pemulihan pelatih di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar-Assa'dah, Kuala Lumpur?
5. Apakah tahap keberkesanan program bimbingan dan kaunseling dalam proses pemulihan pelatih di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar-Assa'dah, Kuala Lumpur?
6. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara kemudahan dan kelengkapan yang disediakan, keberkesanan program vokasional, keberkesanan program ko-kurikulum, keberkesanan program keagamaan dan keberkesanan program bimbingan dan kaunseling mengikut lokasi iaitu Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar-Assa'dah, Kuala Lumpur?

#### **4.0 Hipotesis Kajian**

Hipotesis kajian ini ialah

- H<sub>01</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kemudahan dan kelengkapan yang disediakan di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar-Assa'dah, Kuala Lumpur.
- H<sub>02</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara program latihan vokasional di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar-Assa'dah, Kuala Lumpur.
- H<sub>03</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara program ko-kurikulum di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar-Assa'dah, Kuala Lumpur.
- H<sub>04</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara program keagamaan di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak Rembau dan Kompleks Dar-Assa'dah, Kuala Lumpur.
- H<sub>05</sub> Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara program bimbingan dan kaunseling di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar-Assa'dah, Kuala Lumpur.

#### **5.0 Kepentingan Kajian**

Kajian ini sedikit sebanyak dapat menilai perbezaan dan keberkesanan program daripada beberapa sudut seperti khidmat pemulihan, keupayaan tenaga kerja dan kemantapan sistem yang digunakan.

Input ini dapat digunakan oleh jentera pentadbiran negara secara amnya dan pihak yang terlibat dalam melaksanakan program di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar-Assa'dah secara khususnya untuk merencanakan pendekatan yang lebih berkesan. Maklumat ini boleh digunakan untuk menyediakan program yang lebih sesuai dan mampu menyelesaikan permasalahan Juvana.

Kajian ini dapat memberi pendedahan kepada masyarakat tentang perkembangan di pusat-pusat pemulihan seumpama ini. Kajian ini dapat meningkatkan kesedaran

masyarakat setempat khususnya agar tampil memberi sumbangan kepada pelatih-pelatih di institusi ini.

Kajian ini memberi kesedaran secara tidak langsung kepada individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan pemulihan pelatih agar dapat memberi sokongan kepada pelatih agar pelatih tidak mengulangi kesalahan yang sama dan dapat meningkatkan perubahan tingkah laku positif hasil daripada program pemulihan yang telah mereka jalani.

Pihak sekolah boleh merujuk pada dapatan kajian ini untuk merangka program atau kaedah atau pendekatan yang terbaik yang dapat memenuhi keperluan dan mengatasi kenakalan remaja di peringkat awal. Pelatih perlu dipulihkan mengikut edaran masa dan perubahan teknologi dan sosial yang berlaku setiap saat. Program yang bakal dirancang juga dapat menghindarkan mereka daripada mengalah dengan cabaran selepas menjalani program pemulihan agar mereka tidak perlu dibimbing buat kali kedua.

Hasil dapatan aspek latihan dan pembinaan kemahiran boleh digunakan untuk membina modul bengkel kemahiran yang selari dengan permintaan pekerjaan semasa oleh penyelidik-penyelidik di masa akan datang.

## **6.0 Batasan Kajian**

Kajian ini dilaksanakan di kalangan Juvana di dua buah institusi pemulihan akhlak wanita iaitu di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar-Assa'dah. Kajian ini hanya dijalankan di kedua-dua institusi ini sahaja. Pemilihan institusi ini bertepatan dan bersesuaian dengan tajuk kajian.

Hasil kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada populasi Juvana di seluruh Malaysia. Hasil kajian terbatas kepada populasi dua institusi berkaitan sahaja. Dapatan kajian juga sangat bergantung pada kejujuran pelatih-pelatih yang telah dipilih sebagai responden dalam memberikan jawapan tepat dan benar kepada soal selidik yang dikemukakan.

## **7.0 Metodologi**

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk deskriptif. Sampel kajian dalam penyelidikan ini akan menggunakan Kaedah Persampelan Rawak Mudah. Persampelan jenis ini dipilih bersesuaian dengan keadaan sampel yang terdiri daripada pelatih-pelatih di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar-Assa'dah di mana terdapat beberapa undang-undang dan etika perlu dipatuhi dalam usaha mendapatkan sampel dan maklumat. Instrument kajian ialah set soal selidik ini diubahsuai daripada kajian Azizi et al. (2004) tentang Keberkesanan Program-Program pemulihan Tingkah Laku di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti dan kajian Azizi et al. (1999) tentang Satu Penilaian Terhadap Keberkesanan Pelaksanaan Program Di Pusat Pemulihan Akhlak Di Semenanjung Malaysia. Kajian rintis dijalankan untuk menganalisis kebolehpercayaan soal selidik di mana nilai keseluruhan ialah 0.961.

## **8.0 Dapatan Kajian**

Analisis hasil dapatan tentang keberkesanan program-program pemulihan akhlak yang dilaksanakan dilakukan dengan meletakkan tahap rendah, sederhana dan tinggi pada setiap aspek yang dibincangkan. Berikut adalah pengelasan tahap faktor berdasarkan analisis min.

Nilai	Tahap
1.0 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

**a. Analisa Tahap Kemudahan dan Kelengkapan Sedia Ada**

**Jadual 3: Taburan Bilangan Responden Mengikut Tahap Kemudahan dan Kelengkapan Sedia Ada**

Tahap	Bilangan	Peratus
Rendah	7	9.2
Sederhana	50	65.8
Tinggi	19	25.0
<b>Jumlah</b>	<b>76</b>	<b>100</b>

Jadual 3 menunjukkan taburan bilangan responden mengikut tahap untuk kemudahan dan kelengkapan yang disediakan di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar-Assa'adah. Hasil kajian mendapati kemudahan dan kelengkapan yang disediakan di tahap sederhana. Sebanyak 19 orang (25.0 peratus) memberi tahap tinggi terhadap kemudahan dan kelengkapan yang disediakan, 50 orang (65.8 peratus) melabelkan sederhana dan 7 orang (9.2 peratus) berpendapat bahawa kemudahan dan kelengkapan yang disediakan di tahap yang rendah.

**b. Analisa Tahap Keberkesanan Program Vokasional**

**Jadual 4: Taburan Bilangan Responden Mengikut Tahap Kemahiran Vokasional**

Tahap	Bilangan	Peratus
Rendah	10	13.2
Sederhana	36	47.4
Tinggi	30	39.5
<b>Jumlah</b>	<b>76</b>	<b>100</b>

Jadual 4 menunjukkan taburan bilangan responden mengikut tahap program Kemahiran vokasional untuk melihat tahap keberkesanan program vokasional. Hasil kajian mendapati bahawa keberkesanan program vokasional adalah pada tahap sederhana di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar-Assa'adah. Seramai 30 orang (39.5 peratus) responden melabelkan program kemahiran vokasional berada di tahap tinggi. 36 orang (47.4 peratus) menyatakan keberkesanan program vokasional pada tahap sederhana dan 10 orang (13.2 peratus) menyatakan program vokasional yang dijalankan berada di tahap rendah.

**c. Analisis Tahap Keberkesanan Program Kokurikulum**

**Jadual 5 : Taburan Bilangan Responden Mengikut Tahap Program Ko-Kurikulum**

<b>Tahap</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Rendah	3	3.9
Sederhana	39	51.3
Tinggi	34	44.7
<b>Jumlah</b>	<b>76</b>	<b>100</b>

Jadual 5 menunjukkan taburan bilangan responden mengikut tahap program ko-kurikulum untuk melihat tahap keberkesanan program ko-kurikulum. Hasil kajian mendapati bahawa keberkesanan program ko-kurikulum berada di tahap yang sederhana dalam proses pemulihan pelatih di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar-Assa'adah. Sebanyak 34 orang (44.7 peratus) responden mengatakan program ko-kurikulum ini berada di tahap yang tinggi. 39 orang (51.3 peratus) menyatakan keberkesanan program ko-kurikulum pada tahap yang sederhana dan 3 orang (3.9 peratus) melabelkan program ko-kurikulum ini berada di tahap rendah.

**d. Analisis Tahap Keberkesanan Program Keagamaan**

**Jadual 6: Taburan Bilangan Responden Mengikut Tahap Program Keagamaan**

<b>Tahap</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Rendah	1	1.3
Sederhana	30	36.8
Tinggi	45	61.8
<b>Jumlah</b>	<b>76</b>	<b>100</b>

Jadual 6 menunjukkan taburan bilangan responden mengikut tahap program keagamaan. Keberkesanan program keagamaan dalam proses pemulihan tingkah laku pelatih di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar-Assa'adah adalah tinggi iaitu sebanyak 47 orang (61.8 peratus) responden menilainya pada tahap tinggi. Sebanyak 28 orang (36.8 peratus) menilai keberkesanan program keagamaan pada tahap sederhana. Hanya seorang responden (1.3 peratus) yang melabelkan pada tahap rendah.

**e. Analisis Tahap Keberkesanan Program Bimbingan dan Kaunseling**

**Jadual 7: Taburan Bilangan Responden Mengikut Skor Program Bimbingan dan Kaunseling**

<b>Tahap</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Rendah	5	6.6
Sederhana	41	53.9
Tinggi	30	39.5
<b>Jumlah</b>	<b>76</b>	<b>100</b>



Jadual 7 menunjukkan taburan bilangan responden mengikut skor program bimbingan dan kaunseling. Secara keseluruhan didapati keberkesanan program bimbingan dan kaunseling dalam proses pemulihan pelatih di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar Asaa'dah pada tahap yang sederhana. Hasil kajian mendapati 41 orang (53.9 peratus) responden menganggap program ini sederhana berkesan. 30 orang (39.5 peratus) berpendapat program ini amat berkesan dan 5 orang (6.6 peratus) menilai keberkesanannya berada pada tahap rendah.

#### f. Analisis Keseluruhan Tahap Keberkesanan Program-program Pemulihan Tingkah Laku

**Jadual 8: Tahap Setiap Program dan Perbezaan Tahap Mengikut Lokasi**

Perkara	Tahap Keseluruhan	Tempat	Tahap (min)
Kemudahan dan kelengkapan sedia ada	Sederhana	TSPBG	Sederhana
		KD	Sederhana
Program vokasional	Sederhana	TSPBG	Sederhana
		KD	Sederhana
Program Kokurikulum	Sederhana	TSPBG	Sederhana
		KD	Sederhana
Program Keagamaan	Tinggi	TSPBG	Sederhana
		KD	Tinggi
Program Bimbingan dan Kaunseling	Sederhana	TSPBG	Sederhana
		KD	Sederhana

- TSPBG : Taman Seri Puteri Batu Gajah
- KD : Kompleks Dar-Assa'dah

Jadual 8 menunjukkan tahap keseluruhan bagi setiap program iaitu Kemudahan dan Kelengkapan yang sedia ada, Program Bimbingan dan Kaunseling, Program vokasional dan Program Kokurikulum berada di tahap sederhana. Program Keagamaan berada di tahap yang tinggi. Tahap Kemudahan dan Kelengkapan yang sedia ada serta Program Bimbingan Dan Kaunseling adalah sama iaitu berada di tahap sederhana. Hanya tahap Program Keagamaan adalah tinggi di Kompleks Dar-Assa'dah manakala di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak semuanya berada di tahap yang sederhana.

Berdasarkan jadual 8 didapati program-program pemulihan lebih tinggi nilai minnya di Kompleks Dar-Assa'dah berbanding dengan Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak. Ini bererti program di Kompleks Dar-Assa'dah lebih baik berbanding dengan program Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak.

## 9.0 Analisis Hipotesis

**Jadual 9 : Ujian t untuk perbezaan min**

Perkara	Ujian t untuk perbezaan min			Terima atau Tolak Hipotesis Null
	t	Sig. (2-ekor)	Perbezaan min	
Kemudahan dan Kelengkapan	-0.12	0.904	-0.16	Terima
Program Vokasional	-0.23	0.639	-0.03	Terima
Program Ko-Kurikulum	-1.06	0.295	-0.22	Terima
Program Keagamaan	-2.30	0.024	-0.30	Tolak
Program Bimbingan dan Kaunseling	-3.12	0.003	-0.43	Tolak

Aras signifikan : 0.05

- a. **Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kemudahan dan kelengkapan yang disediakan, program vokasional dan program Ko-kurikulum di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar-Assa'dah, Kuala Lumpur**

Jadual 9 menunjukkan ujian t untuk perbezaan min bagi kemudahan dan kelengkapan yang disediakan, program vokasional, ko-kurikulum, keagamaan serta bimbingan dan kaunseling di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar-Assa'dah, Kuala Lumpur. Nilai signifikan kemudahan dan kelengkapan yang disediakan adalah dianggarkan sebanyak 0.904 lebih besar daripada 0.05, maka  $H_01$  gagal ditolak. Dengan perkataan lain, tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kemudahan dan kelengkapan yang disediakan di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar-Assa'dah, Kuala Lumpur.

Berdasarkan Jadual 9, nilai signifikan bagi program vokasional dianggarkan 0.823. Ini bererti nilai signifikan program vokasional adalah melebihi 0.773 daripada 0.05, maka  $H_02$  diterima. Dengan perkataan lain, tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kemahiran vokasional yang disediakan di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar-Assa'dah, Kuala Lumpur.

Berdasarkan Jadual 9, nilai signifikan bagi program ko-kurikulum dianggarkan 0.086. Ini bererti nilai signifikan program ko-kurikulum adalah melebihi daripada 0.05, maka  $H_03$  diterima. Dengan perkataan lain, tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara program ko-kurikulum di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar-Assa'dah, Kuala Lumpur.

**b. Terdapat perbezaan yang signifikan antara program keagamaan dan program bimbingan dan kaunseling di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar-Assa'dah, Kuala Lumpur**

Berdasarkan Jadual 9, nilai signifikan bagi program keagamaan dianggarkan 0.022. Ini bererti nilai signifikan program keagamaan adalah melebihi daripada 0.05, maka  $H_0$  diterima. Dengan perkataan lain, tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara program keagamaan di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar-Assa'dah, Kuala Lumpur.

Berdasarkan Jadual 9, nilai signifikan bagi program bimbingan dan kaunseling dianggarkan 0.003. Ini bererti nilai signifikan program bimbingan dan kaunseling adalah kurang daripada 0.010, maka  $H_0$  ditolak. Dengan perkataan lain, terdapat perbezaan yang signifikan di antara Program Bimbingan dan Kaunseling di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar-Assa'dah, Kuala Lumpur.

### **10.0 Perbandingan Dapatan Kajian Lepas**

Jadual 10 menunjukkan perbezaan dan persamaan dapatan dengan kajian Azizi (2004) dan Azizi (1999). dengan kajian ini.

Perkara	2004 & 1999	2008
Kemudahan dan kelengkapan sedia ada	Sederhana (3.10)	Sederhana (3.37)
Program Vokasional	Sederhana (3.47)	Sederhana (3.41)
Program Kokurikulum	Tinggi (3.76)	Sederhana (3.58)
Program Keagamaan	Tinggi (3.65)	Tinggi (3.70)
Program Bimbingan dan Kaunseling	Sederhana (3.58)	Sederhana (3.36)

Bagi tahap kemudahan dan kelengkapan sedia ada didapati sederhana pada kajian Azizi (1999) dan dapatan ini sama dengan kajian yang dijalankan. Begitu juga tahap program Vokasional dan Program Bimbingan dan Kaunseling. Jika dilihat dari aspek Program Kokurikulum dapatannya berbeza iaitu berada di tahap yang tinggi pada kajian yang lepas berbanding hanya berada di tahap yang sederhana dalam kajian ini. Temuan dapatan bagi Program Keagamaan adalah sama iaitu berada di tahap yang tinggi.

### **11.0 Perbincangan**

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak dan Kompleks Dar-Assa'dah, Kuala Lumpur didapati kemudahan dan kelengkapan yang sedia ada serta perkhidmatan kaunseling berada di tahap yang sederhana. Manakala program vokasional, program kokurikulum dan program keagamaan berada di tahap yang tinggi.

Peralatan dan kemudahan fizikal adalah faktor penting yang perlu dititikberatkan dan diselenggarakan dengan sebaik mungkin. Jika sesebuah pusat kemahiran tidak mempunyai kemudahan fizikal yang lengkap, ini akan mempengaruhi keberkesanan program-program yang dijalankan. Keberkesanan sesuatu program pemulihan akan tergendala atau terganggu kerana persekitaran dan suasana yang tidak selesa dan tidak

teratur. Oleh itu kepentingan aspek kemudahan dalam proses pembelajaran memainkan peranan yang utama bagi menjamin keberkesanan.

Begitu juga dengan program bimbingan dan kaunseling, untuk menjadi pendidik jiwa yang berjaya, kaunselor seharusnya memiliki ilmu pengetahuan bagi memastikan mereka sentiasa berjaya dan maju ke hadapan terutama dalam tanggungjawab mereka mendidik anak buah dibawah jagaan mereka.. Mendidik jiwa ini bererti menanam akhlak atau pokok kesucian batin ke dalam hati pelatih. Untuk tujuan ini setiap kaunselor perlu kepada ilmu pendidikan dan dapat mengubah suai ilmu yang didapati dengan keadaan tempat yang ditugaskan.

Program ko-kurikulum yang dijalankan pula hanya tertumpu kepada aktiviti sukan. Aktiviti-aktiviti yang diatur pula hanya sekadar mengisi masa pelatih. Seharusnya setiap program mempunyai perspektif yang lebih luas. Tiada pengiktirafan terhadap penyertaan mereka dalam aktiviti sukan yang dijalankan pencapaian mereka dalam aktiviti yang dijalankan.

Sebilangan besar pelatih melakukan kesalahan kerana pendidikan agama yang kurang sempurna. Agama adalah merupakan kawalan sosial yang paling efektif. Salah satu kepentingan agama ialah sebagai santapan rohani. Ketiadaan kekuatan pegangan agama dan akhlak menyebabkan gadis-gadis ini tidak teragak-agak untuk menceburi diri dalam kegiatan negatif termasuk pelacuran. Konsep seperti mentarbiyah pelajar, program padat usrah, kiamullail dan tazkirah memerlukan guru yang serba boleh dan mempunyai pengetahuan mendalam tentang topik yang hendak diperkatakan. Keperluan pelatih terhadap pendidikan Islam yang lebih mantap dan menyeluruh semakin meningkat. Program yang ada sekarang perlulah dapat membekalkan remaja kekuatan pegangan agama yang teguh agar dapat mengharungi arus perubahan yang besar kelak.

Untuk menjadi pendidik jiwa yang berjaya, kaunselor seharusnya memiliki ilmu pengetahuan bagi memastikan mereka sentiasa berjaya dan maju ke hadapan terutama dalam tanggungjawab mereka mendidik anak buah dibawah jagaan mereka.. Mendidik jiwa ini bererti menanam akhlak atau pokok kesucian batin ke dalam hati pelatih. Untuk tujuan ini setiap kaunselor perlu kepada ilmu pendidikan dan dapat mengubah suai ilmu yang didapitidengan keadaan tempat yang ditugaskan.

Proses pendidikan jiwa ini juga memerlukan masa yang agak panjang dan tidak secara tergesa-gesa atau secara terpaksa. Hasil yang diinginkan juga tidak dapat dilihat dalam tempoh masa yang singkat. Kaunselor perlu membina hubungan yang mesra dengan pelatih agar dapat menangani masalah pelatih yang pelbagai. Kaunselor yang ditugaskan perlulah berpotensi dan berupaya untuk menangani profil pelatih yang berbeza. Jiwa yang kosong akan menyebabkan tingkah laku pelatih tiada hala tuju sebenar.

Keperluan kepada program-program pemulihan tingkah laku yang berkualiti sangat diperlukan dalam dunia tanpa sempadan hari ini terutama dalam mengisi kelompongan remaja dalam bidang sosiobudaya dan pendidikan. Hal ini amat penting terutama dalam menyediakan bekalan diri untuk mereka berdepan dengan arus globalisasi dan berbagai-bagai senario yang pesat berubah dalam abad ke-21. Kegagalan institusi yang dipertanggungjawabkan untuk memulihkan remaja yang bermasalah akan mengundang berbagai-bagai gejala sosial kerana remaja ini akan mengulangi kesilapannya dan tidak dapat menjadi masyarakat yang berguna.

Setiap program yang diatur perlulah dapat memulihkan akhlak pelatih dan membekalkan pelatih kemahiran dan pengetahuan untuk membaiki taraf hidup seterusnya menjadi seseorang yang dapat menyumbangkan bakti kepada agama, bangsa dan negara. Program Kompleks Dar-Assa'dah, Kuala Lumpur lebih tersusun. Program kemahirannya dilaksanakan secara berterusan berbanding dengan di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak menjalankan secara bergilir-gilir iaitu dalam tempoh 3 bulan. Begitu juga dengan program keagamaan di Kompleks Dar-Assa'dah, Kuala Lumpur lebih banyak dan sistematik.

## **12.0 Cadangan**

Berdasarkan keputusan dan hasil kajian yang diperolehi, berikut adalah beberapa cadangan kepada pihak-pihak yang terlibat di dalam pelaksanaan program pemulihan tingkah laku.

### **a. Kemudahan dan Kelengkapan Yang Sedia Ada**

Diharap tambahan masa kunjungan kepada pelatih yang berkelakuan baik boleh dipanjangkan kerana kajian mendapati masa kunjungan keluarga singkat dan terhad. Bagi pelatih-pelatih yang berkelakuan baik masa tambahan diberi berdasarkan perkembangan mereka dalam semua program yang dijalankan. Ini dapat memotivasikan mereka agar memberi kerjasama di sepanjang program pemulihan dijalankan.

Pemeriksaan dan laporan lengkap kelengkapan dan kemudahan perlu dilakukan setiap 6 bulan kerana dapatan kajian menunjukkan banyak kerosakan yang terdapat pada tempat tidur, tandas dan bilik mandi. Pihak institusi boleh berusaha untuk mendapatkan usahasama sektor swasta untuk membiayai perbelanjaan penyediaan infrastruktur yang baik sekiranya kos menjadi kekangan.

Tempat-tempat yang digunakan untuk aktiviti program program bimbingan dan kaunseling dan program kemahiran vokasional perlu dipertingkatkan untuk kesesuaian jumlah pelatih kerana dapatan kajian mendapati tempat-tempat tersebut berada di tahap sederhana.

### **b. Program Vokasional**

Diharap kemahiran asas dalam bidang pertanian seperti penanaman sayur-sayuran, hiasan taman dan landskap boleh diperkenalkan kepada pelatih. Mereka masih mencari-cari bidang pekerjaan yang bersesuaian dengan mereka. Dapatan kajian keahiran yang didedahkan kepada pelatih hanya jahitan dan masakan. Ini tidak mencukupi untuk melengkapkan pelatih untuk bersedia memasuki alam pekerjaan serta pelatih tidak diberi alternatif yang lebih luas.

Kemahiran perkembangan dan pengendalian kanak-kanak juga dilihat relevan dan amat sesuai dengan pelatih wanita ini. Pengetahuan ini dapat digunakan untuk menjaga anak mereka sendiri dan membolehkan mereka membuka pusat penjagaan kanak-kanak apabila mereka dibebaskan kelak.

Diharap kemahiran memasak yang diajar tidak hanya penyediaan makanan malahan perlu merangkumi penghasilan makanan seperti air soya, mee, kicap atau sos yang boleh digunakan untuk mereka mencari rezeki apabila dibebaskan daripada tempat tersebut. Kajian mendapati kemahiran memasak yang diajar tidak

dapat meningkatkan kemahiran pelatih yang kebanyakannya sudah mempunyai pengalaman memasak dan bekerja di kedai makan.

Kemahiran menggunakan komputer perlu didedahkan agar selepas dibebaskan mereka tidak ketinggalan dalam dunia tanpa sempadan ini.. Kemahiran celik komputer merangkumi kemahiran menaip, MS Word, Excel dan Powerpoint. Sijil yang diiktiraf mengenai kemahiran mereka menggunakan komputer boleh digunakan untuk mencari pekerjaan atau melanjutkan pelajaran ke institusi yang bersesuaian. Dapatan kajian mendapati kemahiran teknologi maklumat tidak didedahkan.

Kemahiran pertukangan untuk membaik pulih asas perabot, kipas dan tandas perlu didedahkan agar kerosakan-kerosakan kecil dapat dilakukan sendiri oleh pelatih tanpa menunggu pihak tertentu untuk membaikinya. Selain dapat kemahiran, pihak institusi dapat mengurangkan kos penyelenggaraan kerana kajian mendapati tiada kemahiran pertukangan didedahkan kepada pelatih.

Pihak institusi hendaklah mengadakan usaha sama dengan sektor industri atau kolej-kolej komuniti agar dapat menempatkan pelatih-pelatih yang berkebolehan mengembangkan kemahiran mereka atau bekerja yang bersesuaian dengan mereka. Kajian mendapati pelatih masih ragu-ragu hala tuju mereka selepas dibebaskan.

Kemahiran yang dibekalkan kepada pelatih hendaklah berasaskan kecekapan dan mereka diberi sijil pengiktirafan atas kecekapan mereka melakukan sesuatu pekerjaan.

### **c. Program Ko-kurikulum**

Aktiviti ko-kurikulum tidak dilihat sekadar untuk meningkatkan kecerdasan mental pelatih tetapi dapat memberi ilmu dan pengalaman kepada pelatih. Kemahiran yang diperolehi daripada aktiviti ko-kurikulum sepatutnya dapat membantu pelatih untuk meneruskan kehidupan mereka selepas dibebaskan. Dapatan kajian mendapati aktiviti kokurikulum sekadar riadah dan hanya berada di tahap sederhana dalam meningkatkan disiplin diri pelatih.

Aktiviti ko-kurikulum perlu dipelbagaikan dan tidak hanya tertumpu pada aktiviti bersukan. Unit beruniform, persatuan, kelab dan seni mempertahankan diri perlu ditubuhkan. Kegiatan-kegiatan ini banyak faedah yang tidak dapat disangkal. Contohnya, Persatuan Bulan Sabit Merah dapat mengajar pelatih merawat, menyelamatkan mangsa ketika kecemasan dan berkhidmat untuk masyarakat. Persatuan penulisan kreatif sesuai kerana mereka boleh berkongsi pengalaman melalui penulisan cerita pendek, novel atau skrip yang boleh dimanfaatkan kepada remaja yang lain. Seni mempertahankan diri seperti tekwondo atau silat, selain menyihatkan aktiviti ini dapat dijadikan bekalan setelah dibebaskan kelak. Dapatan kajian mendapati hanya permainan sahaja aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan.

Tempoh rawatan selama 2 tahun dan 3 tahun membolehkan pelatih untuk mendapat sijil kejurulatihan atau pengadilan yang diiktiraf dalam sukan yang diceburi seperti bola jaring dan badminton. Sijil ini boleh digunakan untuk menjadi jurulatih atau pengadil bebas yang amat diperlukan oleh banyak sekolah. Begitu juga jika pertubuhan seni mempertahankan diri dan unit beruniform. Sijil yang

diiktiraf daripada persatuan dan pertubuhan yang disahkan dapat digunakan oleh pelatih untuk menjana pendapatan mereka melalui aktiviti sihat ini.

#### **d. Program Keagamaan**

Pendekatan yang relevan dengan usia remaja amat perlu bagi mengisi kekosongan jiwa pelatih. Pelajaran Al-Quran dan hadis bukan setakat dari segi bacaan sahaja. Penghuraian dan terjemahan ayat-ayat Al-Quran perlulah dilakukan agar pelatih benar-benar memahami dan menghayatinya. Justeru program keagamaan perlulah menarik dan masanya dipendekkan agar program tersebut ditunggu-tunggu oleh pelatih kerana dapatan kajian menunjukkan program keagamaan yang dijalankan terlalu lama.

Program pengendalian diri berlandaskan agama Islam daripada segi amalan harian dan keperibadian seperti berpakaian, cara tidur, makan, bertutur dan lain-lain agar dapat mempersiapkan diri pelatih selepas rawatan dan tidak terjerumus semula ke lembah masalah sosial. Dalam program ini hendaklah didedahkan ayat-ayat Al-Quran yang dapat membantu menetapkan hati mereka agar tidak mengulangi kesilapan mereka. Dapatan kajian menunjukkan program keagamaan yang dijalankan masih sukar mengubah sikap pelatih berada di tahap sederhana.

#### **f. Program Bimbingan dan Kaunseling**

Setiap kaunselor berbeza kerana latar belakang, pengalaman dan pendedahan mereka berbeza. Pasti setiap kaunselor mempunyai kelemahan dan kekuatan yang tersendiri. Maka, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang sedia ada perlu dikemaskini dengan membentuk khidmat nasihat bersepadu daripada pakar ahli psikologi, pakar motivasi, ulama, psikiatri dan sosiologi. Kaunselor yang ditugaskan hendaklah mengatur pertemuan atau program untuk mendapatkan khidmat nasihat bersepadu ini untuk mengatasi kekurangan mereka. Khidmat nasihat bersepadu ini boleh lengkap melengkapi kerana dapatan kajian mendapati pelatih ragu-ragu dengan perkhidmatan kaunselor.

Pelatih-pelatih ini perlu didekati, hati mereka mesti dimenangi. Diharap kaunselor musahabah diri dan sentiasa menjadikan diri mereka orang yang memahami masalah pelatih. Dapatan kajian menunjukkan pelatih berasa bimbang setiap kali sesi bertemu dengan kaunselor. Kursus-kursu tabahan untuk enangani masalah delikuen wanita haruslah dihadiri daripada masa ke masa.

### **13.0 Kesimpulan**

Dapatan kajian menunjukkan kemudahan dan kelengkapan yang sedia ada, program vokasional, program kokurikulum, program keagamaan dan program bimbingan dan kaunseling perlu ditingkatkan. Penyelidik berpendapat keperluan kepada program-program pemulihan tingkah laku yang berkualiti sangat diperlukan dalam dunia tanpa sempadan hari ini terutama dalam mengisi kelompongan remaja dalam bidang sosiobudaya dan pendidikan. Hal ini amat penting terutama dalam menyediakan bekalan diri untuk mereka berdepan dengan arus globalisasi dan berbagai-bagai senario yang pesat berubah dalam abad ke-21. Kegagalan institusi yang dipertanggungjawabkan untuk memulihkan remaja yang bermasalah akan mengundang berbagai-bagai gejala sosial

kerana remaja ini akan mengulangi kesilapannya dan tidak dapat menjadi masyarakat yang berguna.

## Rujukan

- Abd Rahim Abd Rahsid (2001). *Nilai-nilai Murni Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : Utusan dan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Abd Rahim Selamat ( 1989 ). *Belajar Cara Belajar*. Nurin Enterprise. 6-15.
- Abdul Ghani Sulaiman (2004). *Hala Tuju Kaunseling*. Perak : Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjong Malim.
- Abdul Wahid b Mukhari (1998). *Important Criteria For A Quality Trade Vocational Training Program As Perceived by Vocational Training Institutions and Industries*. Universiti Teknologi Malaysia : Kajian Ilmiah
- Abu Bakar Nordin (1994). *Reformasi Pendidikan Dalam Menghadapi cabaran 2020*. Kuala Lumpur : Nurin Enterprise
- Ahmad Fitri Alias dan Mohd Sofian Omar Fauzee (2002). Pembentukan Mental Dan Fizikal Kanak-kanak Melalui Sukan.Dlm. Mohd Sofian Omar Fauzee et. al. *Kokurikulum Peranan Dan Implikasi*. Kuala Lumpur : Utusan dan Publications & Distributors Sdn Bhd. 73-79
- Ahmad Kamaruddin Abdul Kohor (1986). *Keberkesanan Program Pemulihan Dadah di Pondok Remaja Inabah Kuala Terengganu Dalam Pemulihan Para Penagih*. Universiti Teknologi Malaysia : Projek Sarjana Muda.
- Ahmad Naim Jaafar (2005). *Membina Remaja Berkarisma*. Pahang : PTS Publications & Distributor Sdn Bhd.
- Asmah Mohd Noor dan Iran Herman (1995). *Membina Kesejahteraan Remaja*. Bangi : Tekno Edar Sdn Bhd.
- Azizi Yahaya et.al (1999). *Satu Penilaian Terhadap Keberkesanan Pelaksanaan Program di Pusat Pemulihan Akhlak di Semenanjung Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis.
- Azizi Yahaya et.al(2001). *Pengujian Program Latihan Bermodul Di Pusat Pemulihan Akhlak Wanita Di Malaysia*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis.
- Azizi Yahaya et. al (2004). *Keberkesanan Program-program Pemulihan Tingkahlaku di Sekolah Henry Gurney dan Sekolah Tunas Bakti*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis.
- Azizi Yahaya et.al (2005). *Psikologi Kognitif*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya et.al (2005). *Psikologi Sosial*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Azizi Yahaya et. al (2006). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.
- Azizi Yahaya et.al (2006). *Psikologi Sosial Alam Remaja*. Pahang : PTS Publishing & Distribution Sdn Bhd.
- Azizi Yahaya et.al (2006). *Kecelaruhan Tingkah Laku*. Pahang : PTS Publishing & Distribution Sdn Bhd.
- Azizi Yahaya dan Jamaluddin Ramli (2007). *Psikologi abnormal*. Skudai :Universiti Teknologi Malaysia.



- Badruzaman Baharom (2006). Persekitaran Keluarga Dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Devian Remaja Daerah Pontian, Johor . Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana
- Bailey, Stephen Kemp (1976). *The Purpose of Education*. Bloomington, Indiana : Phi Della Kappa Educational Foundation.
- Bailey, T. R (1997). *Integrating Academic and Industry Skill Standard*. Berkeley: National Center for Research in Vocational Education, University of California.
- Brown,S.(2005). *Understanding Youth and Crime*. New York : Open University Press
- Chellathai a/p Valliappan (2006). *Kajian Perkhidmatan Kaunseling Di 28 Pusat Serenti Di Malaysia* . Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana.
- Coakes, Sheridan J (2006). *SPSS 13.0 For Windows : Analysis Without Anguish*. Australia : John Wiley & Son Australia Ltd.
- Corey , Gerald (1986). *Theory and Practice of Counseling and Psychoterapy*. Monterey California : Brooks Colet Pub.
- Ee Ah Meng (1994). *Psikologi Dalam Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ellis,R.A. and Sowers, K.M. *Juvenile Justice Practice*. University Of Tennessee : Brooks Thomson Learning.
- Esparan, M. (1991). *Kaunseling Individu Sebagai Satu Modaliti di Sebuah Asrama Pusat Pemulihan Akhlak*. Universiti Kebangsaan Malaysia : Kajian Ilmiah Diploma Psikologi
- Ghazani Awang (1999). *Rawatan Pemulihan Islam*. Kuala Lumpur : PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.
- Hany Hafiza Wan Hanafi (2006). *Penerapan Elemen Kemahiran Employability Dalam Program School Based Enterprise Melalui Mata Pelajaran Vokasional (MPV)*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana
- Hassan Langgulung (1983). *Psikologi Kesihatan Mental di Sekolah-Sekolah*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Tesis Sarjana
- Hasnizah Mohamed Khalily (2006). *Konflik Remaja*. Petaling Jaya : Penerbit Femina.
- Lipsey, W (1995). *How to Plan Your Competitive Strategy : Enjoy The Benefit of Good Planning*. London : Kogan Page.
- Ibrahim Mamat (2001). *Reka Bentuk dan Pengurusan Latihan Konsep dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ida Hartina Ahmed (2006). *Memimpin Kaunseling Kelompok*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Ida Maria Muzahar dan Mohd Sofian Omar Fauzee (2002). Gejala Sosial Mampu Dibanteras Melalui Kegiatan Kokurikulum.Dlm. Mohd Sofian Omar Fauzee et. al. *Kokurikulum Peranan Dan Implikasi*. Kuala Lumpur : Utusan dan Publications & Distributors Sdn Bhd. 25-31
- Idris Endut dan Berhanuddin Abdullah (1997). *Pendekatan Dakwah Di Kalangan Remaja Bermasalah : Kajian Kes di Pusat Pemulihan Akhlak*. Universiti Kebangsaan Malaysia : Kajian Ilmiah
- Indeks Jenayah Juvana Perlu Didedahkan dan Dikaji. (2004, November 22). *Berita Harian*. p.2
- Ivey, A.E (1990). *Internatinoal Interviewing & Counseling : Facilitating Client Development*. Pacific Grove : C.C. Book Code Publishing Company.

- Jasman Ahmad dan Siti Hamzah (1996). *Rakan Muda*. Selangor : Penerbit Setiamas.
- Kamarudin Basir (1996). *Cara Membina Pendidikan Vokasional Berasaskan Kecekapan*.  
Terjemahan William G. Perry, Jr : Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamus Dewan (1996). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keller, Franklin J (1948). *Principles Of Vocational Education: The Primary of The Person*. Boston : DC Heath.
- Khalid Mohamed Nor (1993). *Kaedah Pembelajaran Berkesan*. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai.
- Lee, Hwang Zann (2001) . *Persepsi Penagih Dadah Terhadap Perkhidmatan Bimbingan & Kaunseling Di Pusat Serenti*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.
- Lind, M.C. dan Sheldon, R>G (1992). *Girls, Delinquency & Juvenile Justice*. London : Brooks Cole Publishing Company.
- Maslina Mohamad Arip dan Borhan Yusof (2002). Kokurikulum Dapat Mengurangkan Masalah Sosial Remaja. Dlm. Mohd Sofian Omar Fauzee et. al. *Kokurikulum Peranan Dan Implikasi*. Kuala Lumpur : Utusan dan Publications & Distributors Sdn Bhd. 62-66
- Matsura Idris (2005). *Penilaian Terhadap Kenerkesanan Perkhidmatan Kaunseling Berstruktur Sebagai Rawatan & Pemulihan ke atas Banduan-Banduan Wanita di Penjara Kajang, Selangor*. UKM : Latihan Ilmiah.
- May, G.L. and Winfree, L.T. *Juvenile Justice*. New Mexico State University : McGraw-Hill Higher Education.
- Maznah Hamid (1994). *Motivasi Memburu Kejayaan*. Kuala Lumpur : Maznah Motivational Centre
- McInerney, D..M.(1994). *Educational Pyschology : Constructing Learning*. Australia : Prentice Hall.
- Mohamed Hatta Shaharom (2003). *Psikologi & Kaunseling Remaja*. Pahang : PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mohd Nasir Omar (2005). *Akhlah dan kaunseling Islam*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mohd Nor Hj. Thani (1999). *Keberkesanan Pelaksanaan Program Pemulihan di Pusat Perlindungan Wanita Dan Gadis*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana.
- Mohd Ismail Mustari (2005). *Menjadi Belia Cemerlang*. Pahang : PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mohd Sofian Omar Fauzee et. al. (2001). *Psikologi Sukan : Aplikasi Teori dan Praktikal*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mohd Sofian Omar Fauzee et. al. (2002). *Kokurikulum Peranan dan Implikasi*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Muhamad Ismail Ahmad dan Suzaina Che Wil (2005). *Pembangunan Sosial Remaja*. Kuala Lumpur : Caberawet Publishing Sdn Bhd.
- Muhd Mansur Abdullah (1986). *Kaunseling : Teori, Proses dan Kaedah*. Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Murray, C.A. & Cox, L.A. (1979). *Beyond Probation : Juvenile Corrections and The Cronic Offender*. California : Sage Publications.
- Mustafa Haji Daud (1991). *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Nik Azis Nik Pa (1990). *Program Pendidikan Pelajar Cerdik Pintar: Teori dan Praktik*. Kajang : Institut Pengajian Ilmu-Ilmu Islam
- NorAzman Abdul Majid et. al (2007). *Academic Report Writing From Research to Presentation*. Selangor : Prentice Hall.
- Noor Azilawati Mohd Sabda (2007). *Perlakuan Jenayah Remaja*. Kuala Lumpur ; Penerbit Pinang Sdn Bhd.
- Noor Risma Salfina Muhamad Rozali (2006). *Mencegah Jenayah 1*. Petaling Jaya : Pintar Firus Sdn Bhd.
- Noraini Ahmad (1994). *Kaunseling Remaja: Pengalaman Peribadi Seorang Kaunselor*. Selangor : Budaya Ilmu Sdn Bhd.
- Noraini Ahmad (2000). *Kaunseling Remaja*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Omar Mohd. Hashim (1993). *Pendidikan: Persoalan, Penyelesaian dan Harapan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Mohamed (2005). *Prinsip Psikoterapi dan Pengurusan dalam Kaunseling*. Serdang : Universiti Putra Malaysia.
- Olivia, F. P. (2001). "Developing The Curriculum." 5<sup>th</sup> ed. New York: Addison Wesley Longman.
- Patemah Ibrahim (1989). *Keruntuhan Akhlak & Moral Di Kalangan Remaja*. Universiti Kebangsaan Malaysia : Latihan Ilmiah
- Pencegahan Juvana Menurut Perspektif Islam. (2006, Mei 24). *Utusan Malaysia*.p.2
- Perangkaan Jabatan Kebajikan Masyarakat 2007 . Kuala Lumpur : Jabatan Kebajikan Masyarakat
- Robiah Sidin (2000). *Pembangunan Pendidikan dan Wanita : Cabaran Perancangan*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rohana Embong (2007). *Menangani Gejala Sosial 2*. Kuala Lumpur : Cahaya Kesturi (M) Sdn Bhd.
- Rohana Embong (2007). *Menangani Gejala Sosial 4*. Kuala Lumpur : Cahaya Kesturi (M) Sdn Bhd.
- Roslee Ahmad et. al (2004). *Pendekatan Kaunseling Kelompok Untuk Menangani Masalah Emosi Di Kalangan Anak-Anak Yatim. Kajian di Asrama Pertubuhan Anak-anak Yatim Islam Johor*. Universiti Teknologi Malaysia : Laporan Penyelidikan.
- Rubiah Kulop Hamzah (2002). *Panduan Membimbing Remaja*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Sahak Dawi (1985). *Persepsi Guru-guru & Pelajar Terhadap Fungsi Perkhidmatan Bimbingan & Kaunseling di Sekolah-sekolah Menengah Pahang*. Universiti Pertanian Malaysia : Latihan ilmiah.
- Sarafino, Edward P (1996). *Principles of Behavior Change : Understanding Behavior Modification Techniques*. New York : John Wiley & Sons
- Siti Hasmah Mohd Ali (1987). *Wanita, Adat dan Kesihatan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Maspiah Hassan dan Nor Azizah Salleh (1995). Pendidikan Vokasional : Formal Dan Non-Formal Ke Arah Wawasan 2020. Kertas Kerja dibentangkan dalam seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Abad ke-21 pada 9 November 1995. Bangi: UKM.
- Stake, Robert E (1995). *The Art of Case Study Research & Thousand*. Thousand Oaks Calif : Sage

- Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia 2004 Kuala Lumpur : Jabatan Perangkaan Malaysia
- Stufflebeam, Daniel Z., et al. (1971). "Educational Evaluation and Decision-Making." Itasca, Ill.: F. E. Peacock Publishers.
- Struckhoff, D.R. (1999). *Juvenile Delinquency*. Guilford : The McGraw Hill Companies.
- Stumphauzer, J.S. (1986). *Helping Delinquents Change*. London : The Haworth Press.
- Shamsinar Abdul Razak (2002). *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Tahap keyakinan Diri Dalam Mempelajari Kemahiran di Pusat Pemulihan Cheras, Selangor*. Universiti Teknologi Malaysia : Projek Sarjana Muda.
- Shertzer, Bruce (1980). *Instructor's Manual : Fundamental of Counseling*. Boston : Houghton Mifflin
- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (2001). *Laporan Lawatan ke Pusat Pemulihan Batu Gajah, Perak*. Kuala Lumpur : Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia
- Sumarni dan Borhan (2002). Kokurikulum Dapat Mengurangkan Masalah Sosial .Dlm. Mohd Sofian Omar Fauzee et. al. *Kokurikulum Peranan Dan Implikasi*. Kuala Lumpur : Utusan dan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Syeikh Mustafa Al-Ghalayini (1996). *Membina Minda & Jiwa Remaja Cemerlang*. Selangor : Pustaka Ilmi.
- Tajul Ariffin Nordin dan Nor'Aini Dan (2002). *Pendidikan dan Pembangunan Manusia. Pendekatan Bersepadu*. Selangor, D.E. : As-Syabab Media.
- Universiti Teknologi Malaysia (2007). *Panduan Menulis Tesis*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Wormer, K.V. (2001). *Counseling Female Offenders and Victims*. United State Of America : Maple-Vail
- Yahya Emat (2005). *Pendidikan Teknik dan Vokasional Di Malaysia*. Selangor : IBS Buku Sdn. Bhd.
- Zulkiffly Ahmad (2006). *Jenayah Seksual*. Kuala Lumpur : Mostgain Resources Publications.
- Zurinah Ahmad dan Mohamad Iman Arif (2004). *Bimbingan dan Kaunseling Pembentukan Akhlak Remaja*. Kuala Lumpur ; Jade Green Publications Sdn Bhd.